

02 AUG 2002

AS-MALAYSIA-PELABUHAN/I

AS MAHU INISIATIF BERSAMA DENGAN M'SIA MENGENAI KESELAMATAN PELABUHAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Amerika Syarikat menggesa kerajaan Malaysia supaya memastikan langkah-langkah keselamatan diambil di pelabuhan-pelabuhannya bagi mencegah sebarang penghantaran senjata yang membawa kemusnahan yang dahsyat.

Setiausaha rendah bagi Pematuhan dan Laluan Pasaran, Jabatan Perdagangan AS, William Lash III berkata, memandangkan arus ke arah globalisasi usaha-usaha perlu dilakukan untuk mencegah penyalahgunaan laluan masuk dan keluar penghantaran senjata.

"Ketika kita melonggarkan sempadan kita dan mempertingkatkan perdagangan pindah kapal, adalah penting dipastikan bahawa sempadan-sempadan kita tidak digunakan bagi membahayakan kedudukan Malaysia atau AS, oleh mereka yang mempunyai niat untuk membahayakan rakyat Amerika dan rakyat Malaysia," katanya ketika ditemui pada jamuan tengah hari yang diadakan di sini, hari ini.

Terdahulu hari ini, Lash mengunjungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Lash berkata, Washington ingin mengadakan inisiatif bersama bagi tujuan ini memandangkan Malaysia begitu gigih berusaha untuk memerangi keganasan.

"Malaysia merupakan pelabuhan utama bagi pindah kapal dan adalah amat penting bagi kita menggembleng usaha untuk memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan daripada pelabuhan Malaysia yang sangat baik ini untuk menghantar senjata yang membawa kemusnahan.

"Kita akan bekerjasama untuk mempertingkatkan keselamatan di pelabuhan-pelabuhan kita, manakala pada masa yang sama tidak melembapkan perdagangan. Inilah yang menjadikan inisiatif bersama itu penting," katanya.

Menurut beliau, AS menganjurkan pembukaan pasaran dan peningkatan laluan pasaran dalam perdagangan dan perkhidmatan.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah berkali-kali bercakap mengenai globalisasi dan realitinya. Pentadbiran Presiden Bush sependapat dengan Malaysia bahawa globalisasi dan pembangunan haruslah bergerak seiring.

"Seperti Dr Mahathir, kami juga percaya bahawa sistem modal dan sistem pasaran bebas amat penting, kami juga komited ke arah itu. Dasar perdagangan kami amat propasaran dan properdagangan," katanya.

Ditanya mengenai bidang-bidang kerjasama yang boleh diceburi oleh Malaysia dan AS dalam menghadapi globalisasi, Lash berkata adalah lebih baik jika kedua-dua pihak mengkaji sektor perdagangan dan perkhidmatan yang masih belum mendapat laluan pasaran yang besar.

"Dengan membuka perdagangan dan menghapuskan halangan perdagangan dalam sektor-sektor itu, kita akan memberi lebih peluang kepada negara-negara membangun, dan membolehkan mereka bersaing dalam pasaran global," tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, agar Malaysia dapat bersaing dengan jayanya dalam pasaran global, khususnya dengan kemunculan pasaran China, negara ini harus memberi lebih penekanan kepada pelaksanaan sepenuhnya Hak Harta Intelek (IPR).

"Usaha Malaysia menarik pelaburan berjalan lancar, tetapi salah satu perkara yang paling penting ialah melindungi paten dan hakcipta anda. Ia perlu bukan sahaja bagi faedah pelabur asing tetapi juga untuk melindungi IPR bagi karyawan Malaysia," katanya.

Beliau menambah kata bahawa dengan pelaksanaan IPR yang lebih baik, Malaysia akan dapat memajukan lagi bakat-bakat yang ada di negara ini.

"Dengan menangani sebahagian daripada faktor-faktor ini, pertumbuhan Malaysia akan berterusan, bukan sahaja bagi perdagangan dan pembangunan, malah juga bagi memajukan industri tempatan," katanya.

Ditanya mengenai ekonomi AS yang tidak menentu serta prestasi pasaran ekuiti dan dolarnya pada masa ini, Lash berkata, peluang-peluang untuk memperbaikinya tetap ada.

Katanya, tindakan Presiden Bush menandatangani rang undang-undang reformasi perakaunan baru-baru ini merupakan suatu langkah untuk meletakkan semula AS ke atas landasan yang betul ke arah pemulihan ekonomi.

"Perkembangan begini adalah positif bagi ekonomi AS serta ekonomi dunia," katanya.

Menyentuh tentang hubungan perdagangan antara kedua-dua negara, Lash berkata, beliau percaya ia akan terus berkembang secara beransur-ansur, seiringan dengan pemulihan ekonomi AS.

"Hubungan kita begitu kukuh dan ia merupakan petanda positif bahawa pelaburan dari AS akan terus mengalir ke Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

WNZ KTC KY OS